

JPS perlu bersih, dalamkan Sungai Langat bagi tangani banjir



Oleh Rasid Rahaman
rasid@bharian.com.my

RABU lalu, hujan lebat lebih lima jam sejak 4.30 petang mengakibatkan beberapa kawasan di Hulu Langat dan Ampang dinaiki air setinggi dua meter menyebabkan harta benda penduduk seperti kenderaan, perabot, rumah dan dokumen penting, rosak.

Dalam kejadian itu, lebih 1,500 penduduk terpaksa dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan sementara antaranya di Dewan Datuk Ahmad Razali, Balai Penghulu Batu dan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai di Hulu Langat dan Surau Ihsaniah,

Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang.

Walaupun masih sedih dan trauma selepas banjir paling buruk sejak 40 tahun lalu melanda dua kawasan itu, kebanyakan daripada mangsa reda dengan apa yang berlaku.

Kini, selepas lima hari berlalu, mangsa banjir terbabit masih giat melakukan kerja pembersihan lumpur di rumah masing-masing.

Apa yang pasti, mereka tidak berseendirian kerana anak-anak yang tinggal di bandar bergegas pulang ke rumah, selain pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) datang membantu membersihkan rumah mereka.

Memang diakui masalah banjir kilat di Hulu Langat, bukan masalah baru. Setiap kali hujan lebat, beberapa kawasan rendah terutama di Sungai Serai, pasti dinaiki air.

Cuma pada Rabu lalu banjir yang berlaku agak berbeza daripada hari-hari sebelum ini kerana kawasan yang terbabit lebih luas, manakala jumlah mangsa lebih ramai.

Jika sebelum ini tidak ada rumah yang tenggelam, tapi kini ada. Jika dulu, tidak ada kenderaan dihanyutkan air, kini ada. Jika dulu hanya penduduk Sungai Serai menjadi mangsa, kini kawasan lain yang kedudukannya lebih tinggi, turut tenggelam.

Sebab itu ada cakap-cakap yang mendakwa selain hujan lebat, kejadian banjir itu bertambah buruk di sebabkan air dari Empangan Sungai Langat dilepaskan.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan Puncak Niaga Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga) dengan menjelaskan empangan itu berfungsi melalui sistem limpahan automatik sekiranya paras air melebihi paras bahaya 220.96 meter (m).

Paras air di Empangan Sungai

Langat pada malam kejadian dilaporkan mencatat bacaan tertinggi dalam tempoh dua tahun, iaitu 221.27m mengakibatkan 'overflow' pada takungan, sekali gus menyebabkan limpahan air ke Sungai Langat.

Kita bukan hendak menyalahkan mana-mana pihak, cuma kita perlu mengambil iktibar daripada kejadian ini.

Kita semua tahu Sungai Langat kini semakin cetek. Ia sudah tidak mampu untuk menampung jumlah air yang banyak, lebih-lebih lagi jika hujan lebat berpanjangan.

Oleh itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sewajarnya menjalankan kerja pembersihan dan dalamkan dasar sungai itu secara berkala.

Saya difahamkan, sejak beberapa tahun kebelakangan ini JPS Hulu Langat jarang melakukan kerja-kerja berkenaan di Sungai Langat, kalau adapun hanya kerja me-

ngukuhkan tebing sungai. Sebab itu, setiap kali hujan lebat air Sungai Langat mudah melimpah.

Saya juga hairan, walaupun Hulu Langat paling teruk dilanda banjir, JPS Hulu Langat hanya menjalankan kerja membersihkan dan dalamkan Sungai Bukit Belacan, Ampang.

Begitu juga dengan pihak berkuasa berkaitan yang hanya melihat tanpa membuat kawalan kerana sejak kebelakangan ini banyak pokok dan tumbuhan di Hulu Langat ditebang untuk melaksanakan projek pembangunan.

Pembangunan tanpa kawalan itu saya percaya turut menyumbang kepada kejadian banjir kali ini kerana air daripada kawasan tinggi akan mengalir tanpa sekatan bersama lumpur ke kawasan rendah sekali gus mewujudkan banjir lumpur.

Renung-renungkanlah dan kasihanilah mangsa banjir.